

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)

TARIKH : 24 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS) minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk tahun 2020 bertambah baik sungguhpun murid-murid tidak dapat menghadiri kelas untuk beberapa bulan akibat COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa pencapaian keseluruhan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020 adalah meningkat dan lebih baik berbanding tahun 2019. Gred Purata Nasional (GPN) bagi tahun 2020 adalah 4.80 berbanding 4.86 pada tahun 2019, iaitu perbezaan sebanyak 0.06.

Kejayaan ini merupakan hasil usaha yang berterusan dan komitmen padu daripada semua pihak yang terlibat termasuk calon, guru, pentadbir sekolah, ibu bapa, persatuan ibu bapa dan guru, serta masyarakat. Walaupun berdepan dengan situasi pandemik COVID-19 yang sangat mencabar dan sekolah terpaksa ditutup, kelangsungan pembelajaran calon peperiksaan SPM 2020 diberi keutamaan agar pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat diteruskan dan persediaan rapi secara intensif juga dapat dilaksanakan.

SOALAN NO : 33

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah melaksanakan satu pelan komprehensif bagi membantu calon bersedia sepenuhnya sebelum menduduki peperiksaan SPM 2020.

KPM telah membuat pindaan pada Takwim Penggal dan Cuti Persekolahan Tahun 2020 dengan memaksimumkan tempoh hari persekolahan. Apabila sekolah dibuka pada 24 Jun 2020, calon peperiksaan SPM telah diberi keutamaan hadir ke sekolah untuk PdP secara bersemuka. Begitu juga apabila sekolah dibuka semula pada 20 Januari 2021.

Secara keseluruhannya, calon peperiksaan SPM 2020 telah menghadiri sesi persekolahan secara bersemuka selama 155 hari berbanding dengan sesi persekolahan tahun-tahun sebelumnya yang berlangsung sekitar 200 hari.

Selain itu, tarikh peperiksaan SPM 2020 yang asalnya dijadualkan pada Oktober 2020 telah dijadualkan semula sebanyak 3 kali sebelum peperiksaan akhirnya dilaksanakan dalam dua sesi, iaitu sesi pertama pada 22 Februari hingga 25 Mac 2021 dan sesi kedua pada 6 hingga 23 April 2021. Pelanjutan sesi persekolahan dan penjadualan semula tarikh peperiksaan telah memberi ruang dan peluang kepada calon untuk membuat persediaan rapi dan bersedia sepenuhnya termasuk dari segi emosi bagi memastikan calon menduduki peperiksaan dalam keadaan yang paling sihat dan penuh bersemangat.

Bagi membolehkan peperiksaan SPM 2020 dapat dilaksanakan secara teratur dan lancar, dengan mengambil kira keselamatan murid, guru serta petugas peperiksaan, pelan strategik utama KPM ialah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah Dalam Norma Baharu. Garis panduan ini merangkumi panduan pengurusan pentaksiran pusat dan peperiksaan awam kepada pentaksir dan petugas peperiksaan serta pegawai pengurus peperiksaan di jabatan pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah bagi memastikan keadaan yang selesa dan selamat dari penularan COVID-19.

SOALAN NO : 33

Bagi memastikan kelangsungan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kalangan calon peperiksaan, KPM telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) melalui tiga pendekatan, iaitu secara dalam talian, luar talian dan *off-site* mengikut kesesuaian guru dan murid. KPM turut menyediakan pelantar *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) sebagai pusat rujukan sehenti untuk calon dan guru mendapatkan pelbagai bahan sokongan agar calon dapat memperkuuh pemahaman dalam kandungan mata pelajaran yang perlu dipelajari.

Selain itu, KPM menyediakan rancangan TV Pendidikan melalui saluran DidikTV KPM, TV Okey RTM dan Tutor TV Astro. Rancangan seperti *Road to Success* dan SUKSES SPM 2021 tersebut memfokuskan kepada kandungan mata pelajaran Tingkatan Lima bagi membantu calon menguasai kandungan kurikulum sebelum menduduki peperiksaan SPM 2020.

Pihak sekolah dan guru turut mengambil inisiatif bagi membantu calon yang tiada peranti dan capaian internet dengan melaksanakan PdP melalui penggunaan buku teks. Buku aktiviti pula digunakan untuk membuat latihan ulangkaji. Guru juga menyediakan modul PdP dan membuat serahan bahan tersebut kepada calon.

KPM yakin, kebersamaan semua pihak yang mendukung segala usaha dan inisiatif yang dilaksanakan telah memberikan impak yang positif kepada pencapaian calon dalam peperiksaan SPM 2020.